

15 MAR 2004

Pilihan raya-Karpal

KARPAL SINGH DAKWA BN PANIK DAN GUNA SERANGAN PERIBADI

PULAU PINANG, 15 Mac (Bernama) -- Timbalan Pengerusi DAP Karpal Singh, calon parti itu yang bertanding di kawasan Parlimen Bukit Gelugor, mendakwa Barisan Nasional (BN) sedang panik sehingga sanggup menggunakan taktik serangan peribadi terhadapnya dan pengerusi DAP Lim Kit Siang.

Beliau berkata BN tidak berminat kepada kempen yang bersih seperti yang diperuntukkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya (SPR).

"Sebaliknya, BN melancarkan serangan peribadi secara terbuka terhadap saya dan Kit Siang melalui iklan mereka. Saya menggesa SPR supaya mengarahkan semua suratkhbar dan media elektronik yang digunakan untuk serangan peribadi itu menghentikannya segera," katanya pada persidangan berita di sini hari ini.

Beliau berkata iklan-iklan itu perlu dihentikan segera selaras dengan peraturan yang ditetapkan SPR dan sekiranya ia berlanjutan, DAP berhak mengambil tindakan undang-undang.

Karpal Singh mengulas penyiaran iklan di dalam beberapa akhbar mengenai dirinya dan Lim sejak beberapa hari lepas. Antara slogan dalam iklan BN itu yang disertakan dengan gambar Lim dan Karpal Singh secara berasingan berbunyi "Actions speak louder than words", "Can you trust DAP" dan "every vote for DAP only weakens BN's ability to fight PAS. A vote for DAP is a vote for PAS".

Karpal Singh berkata memang benar dalam pilihan raya umum 1990 beliau membuat kenyataan bahawa perlembagaan memperuntukkan negara ini mempunyai kebebasan beragama dan PAS pada masa itu menyuarakan hasrat untuk menubuhkan negara Islam.

"Saya ada nyatakan bahawa 'over my dead body' (langkah mayat saya) kepada PAS untuk mereka menubuhkan negara Islam. Tetapi ia dalam konteks perlembagaan yang memperuntukkan satu negara sekular dan oleh itu apa yang dicadangkan oleh PAS melanggar peruntukan perlembagaan," jelas

beliau.

Beliau berkata pada pilihan raya umum 1999, beliau bagaimanapun meminta maaf kepada semua umat Islam sekiranya kenyataannya itu menyinggung sensitiviti mereka.

Oleh itu, katanya, BN tidak perlu memperbesar-besarkan lagi perkara itu kerana beliau telah meminta maaf kepada semua umat Islam.

Karpal Singh turut mencabar Presiden MCA Datuk Seri Ong Ka Ting supaya menyatakan pendiriannya terhadap kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada 29 Sept 2001 bahawa Malaysia adalah negara Islam fundamental.

"Sampai sekarang, MCA tidak pernah mengemukakan bantahan terhadap deklarasinya itu. Saya beri Ong tempoh 24 jam untuk menjawab dan sekiranya beliau tidak berbuat demikian, kredibilitinya boleh dianggap kosong dan beliau adalah penakut," katanya.

-- BERNAMA

SA RON